

Dapat pengiktirafan

Enam syarikat dilantik selaku ejen kapal layar

KEDAWANG - Enam syarikat dari Langkawi mendapat pengiktirafan selepas dilantik selaku ejen kapal layar di bawah Pendaftaran Kapal Layar Antarabangsa Langkawi (LIYR).

Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Abdul Rahim Bakri berkata, jumlah pendaftaran kapal layar di bawah LIYR kini telah mencecah lebih 250 buah.

Menurutnya, daripada jumlah itu, 175 kapal layar adalah milik warga asing dari United Kingdom, Belanda, Perancis, Singapura dan Sepanyol, manakala selebihnya dimiliki warga tempatan.

"LIYR di kala selia oleh Jabatan Laut yang turut menawarkan pakej pendaftaran yang unik berbanding negara lain.

"Sambutan positif ini berupaya mencapai sasaran 350 buah menjelang hujung tahun termasuk menyoal kepada kapal layar mega," katanya ketika Majlis Penyampaian Sijil Pendaftaran Kapal Layar ke 150, 200 dan 250 dan Penyampaian Sijil



■ Sebahagian daripada enam ejen menerima pelantikan selaku agen kapal layar di bawah pendaftaran LIYR di Awana Porto Malai.

Pelantikan Ejen Kapal Layar di Awana Porto Malai.

Beliau berkata, penambahan perlu dilakukan terhadap pakej pendaftaran seperti keperluan tahap keselamatan minima, kompetensi kepada krew pengendali kapal layar dan Penubuhan Pusat Latihan Kapal Layar.

Enam ejen yang mendapat pentauliahannya itu adalah Telaga Harbour Park Sdn Bhd, Simpson Marine Sdn Bhd, Seri Klas Niaga

Sdn Bhd, Malaysia Marine Supplies Sdn Bhd, Tall Ship Adventure Sdn Bhd dan Tropical Charter Sdn Bhd.

Sementara itu, Pengerusi Eksekutif Tropical Charters, Datuk Alexander berkata, pelantikan itu mampu merancakkan industri pelancongan maritim.

Menurutnya, keyakinan yang tinggi terus diletakkan pada syarikat di Langkawi sekaligus menjadikan Langkawi sebagai sebuah destinasi selamat dan dipercayai.

Dalam pada itu, dua kapal layar milikan entiti Malaysia kapal layar YTL Lady muncul sebagai kapal layar yang ke 150 dan Equinox II yang ke 200 diikuti Royal Albatross milikan warga asing yang ke 250.

HEBAHKAN
Aktiviti Komuniti Anda
Hubungi
Sinar Harian